

22/08/2004

Persatuan beri cadangan majukan Kampung Baru

By Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Persatuan Pembangunan Kampung Baru Kuala Lumpur akan mengemukakan cadangan terperinci berhubung rancangan pembangunan di kawasan berkenaan kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad, dalam tempoh terdekat ini.

Sambil mengalu-alukan cadangan penubuhan badan khas bagi menyelaraskan perancangan, pembangunan dan pengurusan di kawasan itu, Yang Dipertuanya, Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh, berkata pihaknya akan membentangkan hasrat pemilik tanah kepada kerajaan.

Sehubungan itu, beliau dan ahli jawatankuasa persatuan berkenaan akan mengadakan perjumpaan dengan Mohd Isa secepat mungkin bagi membincangkan rancangan pembangunan di tanah rizab Melayu di kawasan itu.

Dalam perbincangan itu, persatuan juga akan mendapatkan maklumat lengkap berhubung Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 khususnya yang ada kaitan dengan Kampung Baru.

"Dalam perjumpaan itu, saya akan membentangkan hasrat tuan tanah di Kampung Baru," katanya yang menghubungi Berita Minggu, semalam.

Kelmarin, Isa berkata, rancangan pembangunan menyeluruh tanah rizab Melayu seluas 1,182.61 hektar di Kuala Lumpur termasuk di Kampung Baru dan kampung tradisional dijangka siap tahun depan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menubuhkan badan khas bagi memulakan serta menyelaraskan perancangan, pembangunan dan pengurusan kawasan berkenaan.

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang akan diwartakan akhir bulan ini, juga akan digunakan sebagai asas rujukan dalam memperincikan semua bentuk pembangunan di kawasan terbabit.

Wan Mahmood menjelaskan persatuan itu sudah mengemukakan memorandum berhubung pembangunan tanah rizab Melayu Kampung Baru kepada kerajaan pada 1995, termasuk mencadangkan supaya tanah itu disewakan tidak melebihi 25 tahun.

Berikutan itu, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan penubuhan sebuah syarikat, Mas Melayu Sdn Bhd bagi membangunkan Kampung Baru kerana pemilik tanah tidak setuju dengan cadangan tanah mereka diambil alih oleh kerajaan.

Bagaimanapun, disebabkan beberapa perkara, pembangunan tanah rizab Melayu di kawasan berkenaan tertangguh hingga sekarang.

(END)